



KEADAAN air sungai di Kampung Sungai Buah, Sepang.



KERJA-KERJA meletakkan serbuk Powder Activated Carbon (PAC) bagi tujuan merawat air di Sungai Buah susulan dakwaan air sungai yang tercemar ketika tinjauan di Kampung Sungai Buah, Sepang.

Raja Noraina Raja Rahim
noraina@hmetro.com.my

Dengkil

Pencemaran di Sungai Buah di sini, yang menyebabkan loji rawatan air (LRA) Sungai Semenyih ditutup enam kali, terus mendapat perhatian pelbagai pihak bagi mencari kaedah penyelesaian terbaik.

Kali ini, pemimpin politik DAP pula turun padang untuk melihat kerja Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor menempatkan bahan karbon teraktif sebagai penapis di sungai berkenaan.

Setiausaha Organisasi DAP, Anthony Loke Siew Fook berkata, ketika ini perbezaan politik perlu diketepikan untuk

menangani isu berkenaan demi kesejahteraan rakyat.

"Saya menyeru kedua-dua kerajaan Negeri Sembilan dan Selangor untuk mengetepikan perbezaan politik mereka dan menyelesaikan masalah rakyat yang menderita kerana isu air itu.

"Jika terdapat sebarang unsur sabotaj, biarlah siasatan mengenai perkara itu dibuat. Sekarang ini, perlu difikirkan adalah kaedah penyelesaian untuk membekalkan air bersih kepada penduduk," katanya selepas meninjau keadaan di Sungai Buah di sini, semalam.

Hadir sama Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Elizabeth Wong ser-

ta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Subang Jaya, Hannah Yeoh.

Metro Ahad semalam melaporkan, penutupan LRA Sungai Semenyih selama 11 jam terus mengundang kemarahan orang ramai, apa lagi kaum India yang menyambut Deepavali.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil Shahrum Mohd Sharif memberitahu, pihaknya turun padang melihat kerja membina semula benteng sungai, sekali gus mendengar taklimat Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor berhubung kaedah mengatasi pencemaran di kawasan berkenaan.

Pengurusan Bencana kini mengambil alih tugas Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dengan menempatkan bahan karbon teraktif sebagai penapis di kawasan benteng yang terjejas.



AHLI Kimia Makmal Loji Rawatan Air Sungai Semenyih, Nabilah Ghazali menunjukkan sampel air yang diambil dari Sungai Buah.

6 KALI TUTUP

■ Semua pihak digesa cari kaedah penyelesaian terbaik tangani pencemaran air di Sungai Buah